

**JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
Galeria PjH, Aras 3-5, Jalan P4W,
Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 PUTRAJAYA,
MALAYSIA



Tel: 03-8891 9000
Faks: 03-8891 9056
Laman Web : <http://politeknik.gov.my>
Facebook : politeknik.edu

Ruj. Kami : KPT/JPP/BPPK/02(P)/09/001 (41)
Tarikh : 17 November 2014

**Pengarah Politeknik
(seperti di Lampiran 1)**

YBhg. Dato' / Dr. / Tuan / Puan,


**MAKLUMAN BERKAITAN TATACARA PERMOHONAN KURIKULUM BAGI
TUJUAN PINDAHAN KREDIT OLEH LULUSAN POLITEKNIK**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Jabatan Pengajian Politeknik sering menerima permohonan daripada pelajar berkaitan permohonan kurikulum untuk tujuan pemberian pindahan kredit oleh lulusan politeknik yang menyambung pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA/IPTS). Sehubungan dengan itu, bagi mewujudkan penyelarasan dalam permohonan kurikulum Jabatan ini ingin memaklumkan tatacara permohonan kurikulum yang perlu dipatuhi oleh pihak lulusan politeknik. Pemohon (lulusan politeknik) perlu mengemukakan maklumat-maklumat seperti berikut:

- 2.1 Surat rasmi permohonan kurikulum bagi tujuan pindahan kredit (sila sertakan nama penuh, nombor matrik, alamat terkini, nombor telefon dan e-mel);
- 2.2 Transkrip Akademik diploma/sijil yang telah disahkan;
- 2.3 Kod dan nama kursus yang dipohon untuk tujuan proses pengeluaran kurikulum yang berkaitan;
- 2.4 Surat tawaran kemasukan ke IPTA/IPTS atau mana-mana institusi berkaitan

3. Pemohon boleh menghantar permohonan yang lengkap berdasarkan maklumat yang disenaraikan sama ada secara bertulis atau e-melkan kepada pegawai yang berkenaan. Permohonan secara bertulis hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dengan menulis "PERMOHONAN PINDAHAN KREDIT" di penjurusan sebelah kiri sampul dan hendaklah dialamatkan kepada:



Pengarah Kanan (Akademik)
Jabatan Pengajian Politeknik
Galeria PjH, Aras 5, Jalan P4W,
Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 Putrajaya
(u.p: En. Harun bin Sahat)



4. Manakala bagi permohonan melalui e-mel, permohonan yang lengkap beserta dengan maklumat yang diperlukan perlu di-e-melkan ke alamat harun.sahat@moe.gov.my (Pengawai untuk dihubungi: En. Harun bin Sahat, Unit Pembelajaran Digital, Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital, Jabatan Pengajian Politeknik).

5. Sehubungan dengan itu, kerjasama pihak politeknik adalah dipohon untuk memaklumkan perkara ini kepada lulusan politeknik masing-masing dan memanjangkan kepada semua pegawai YBhg. Dato' / Dr. / Tuan / Puan berkaitan maklumat tatacara permohonan kurikulum bagi tujuan pindahan kredit oleh lulusan politeknik.

Perhatian dan tindakan YBhg. Dato' / Dr. / Tuan / Puan dalam memudahcara tatacara berhubung perkara di atas didahului dengan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(HJ. MOHD GHAUS BIN AB. KADIR)
Pengarah Kanan (Akademik)
Jabatan Pengajian Politeknik
Kementerian Pendidikan Malaysia

PENGARAH			
T.P. (A)		Untuk Tindakan	/
T.P. (SA)			
KJM	/		
KJE	/	Untuk Makluman	/
KJA	/		
KJP	/		
KJMSK	/	Sila	28 NOV 2014
KJPA			
PP	/	Failkan	
Unit 0	/		